



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**  
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

## **SIARAN MEDIA**

### **RM187,200 GERAN MRP UNTUK PENDIDIKAN, BANTUAN PERUBATAN DIAGIH KEPADA PENDUDUK DAN NGO DI LUNDU**

**Lundu, 12 Disember 2020** - Seramai 28 penduduk dan 55 badan bukan kerajaan (NGO) di daerah ini menerima bantuan kewangan bernilai hampir RM200,000 di bawah geran Projek Luar Bandar Kecil (MRP) kerajaan negeri. Pemberian MRP bernilai RM187,200, khusus untuk pendidikan dan bantuan perubatan kecemasan, telah disampaikan kepada para penerima oleh Ahli Parlimen Santubong, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar dalam satu majlis yang sederhana di Dewan Masyarakat Lundu, disini, hari ini.

Wan Junaidi, yang juga Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), berkata pendidikan dan kesihatan seharusnya diberi tumpuan khusus kerana kedua-dua ini merupakan elemen penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat. "Kesihatan adalah sangat berharga manakala pendidikan pula dapat untuk membantu seseorang memperbaiki dirinya, baik dari segi ekonomi dan juga rohani. Sebagai wakil rakyat, saya akan sentiasa memastikan bahawa kedua-dua elemen ini akan terus diberi perhatian khusus," katanya.

Sementara itu, Wan Junaidi juga meminta agar peniaga-peniaga kecil dan informal mendaftar perniagaan mereka dengan pihak berwajib, supaya dapat menikmati pelbagai bantuan yang telah disediakan oleh MEDAC dan semua agensi-agensinya. Menurut beliau, dianggarkan terdapat hampir 2 juta perniagaan kecil dan informal yang masih lagi tidak berdaftar di seluruh negara. Oleh kerana mereka tidak berdaftar, MEDAC tidak dapat menyalurkan bantuan kepada peniaga-peniaga ini.

"Kami sedar bahawa perniagaan Mak Cik Kiah ini sangat terjejas oleh situasi COVID-19. Kami prihatin dengan keadaan mereka dan kami ingin menolong mereka. Namun, mereka perlulah mendaftarkan perniagaan mereka agar apa sahaja bantuan yang ada dapat kita diberikan melalui saluran yang betul,"

katanya. Dalam memastikan kelangsungan perniagaan di era COVID-19 ini, Wan Junaidi meminta para usahawan untuk membuat persiapan yang sewajarnya dalam migrasi operasi perniagaan mereka dari tradisional ke digital.

"Suka atau tidak, digitalisasi adalah norma baru. Disebabkan dari kesan pandemik ini, ramai yang memilih untuk membeli barang secara dalam talian. Mereka yang enggan berubah, seiring dengan waktu dan zaman, mungkin akan menghadapi masalah untuk mempertahankan perniagaan mereka. "Namun, bagi mereka yang berjaya berhijrah ke operasi secara dalam talian, saya yakin mereka kini sedang menikmati hasilnya. Berdasarkan tinjauan yang telah kami jalankan, ada diantara peniaga-peniaga ini yang menikmati peningkatan penjualan hingga 500 peratus setelah mereka berhijrah ke perniagaan online," tambahnya.

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**